

NOTA LENGKAP

ANTOLOGI



TINGKATAN 4

SYAIR BIDASARI - Jamilah Hj Ahmad

Rangkap 1

Rangkap 1 syair ini mengisahkan riwayat seorang raja di desa Negeri Kembayat yang menjadi contoh teladan kepada rakyatnya.

Rangkap 2

Raja di desa Negeri Kembayat digambarkan sebagai seorang yang hebat dan bijaksana. Baginda juga berwajah tampan dan bersikap adil terhadap orang asing/pedagang.

Rangkap 3

Sebagai seorang raja yang hebat, baginda tidak pernah merasai kesusahan. Namun hal tidak dapat dijangka pada masa akan datang.

Rangkap 4

Raja kemudiannya beristeri dan tidak beberapa lama kemudian permaisuri baginda berbadan dua.

Rangkap 5

Setelah beberapa lama memerintah negara dalam keadaan aman damai, akhirnya bala menimpa dan baginda terpaksa meninggalkan kerajaannya.

Rangkap 6

Pada suatu hari, negeri baginda diserang oleh burung garuda hingga menyebabkan kemusnahan yang teruk.

Rangkap 7

Kedadaan negara menjadi huru-hara dan semua rakyat lari bertempiaran menyelamatkan diri.

Rangkap 8

Rakyat jelata datang menghadap raja mengkhabarkan suasana huru-hara dalam negara. Raja dengan perasaan marah menyatakan rasa terkejutnya.

TEMA

Tema yang terdapat dalam Syair Bidasari ialah cabaran yang dihadapi oleh seorang raja dalam memerintah negara. Pemerintahan raja di desa Negeri Kembayat menjadi huru-hara apabila negara baginda ditimpa musibah.

PERSOALAN

Terdapat beberapa persoalan dipaparkan dalam puisi ini, antaranya:

1. **Kehebatan seorang raja yang memerintah negara**

Rangkap 2, baris 3 – *Sultan halifah akas bestari*

2. **Keadilan seorang pemerintah**

Rangkap 2, baris 4 – *Melimpah ngadil dagang senteri*

3. **Masa depan seseorang ditentukan oleh takdir**

Rangkap 3 -, baris 4 *Entah pada esok dan lusa*

BENTUK SYAIR

1. Syair ini berbentuk terikat/tidak bebas.
2. Terdiri daripada 8 rangkap.
3. Bilangan baris dalam setiap rangkap adalah sama, iaitu empat baris serangkap.
4. Semua baris membawa maksud.
5. Bilangan kata dalam setiap baris hampir sama, iaitu tiga hingga lima patah kata.
6. Bilangan suku kata dalam setiap baris terdiri daripada 9 hingga 13 suku kata.
7. Rima akhirnya ialah aaaa.

GAYA BAHASA

1. Penggunaan repitisi atau perulangan – beberapa bulan beberapa hari.
2. Metafora – takhta kerajaan.
3. Hiperbola – datanglah menyambar suaranya bahana.
4. Simile – mendengar gempar seperti perang.
5. Inversi – tuan dengarkan suatu riwayat.
6. Bahasa istana – baginda, permaisuri, takhta
7. Asonansi – baginda duduk bersuka-sukaan (pengulangan vokal u)
8. Aliterasi – beberapa bulan beberapa hari (pengulangan konsonan k)

NILAI

1. Tanggungjawab – Raja Negeri Kembayat bertanggungjawab mentadbir negeri dengan sempurna.
2. Ketaatan – seluruh rakyat Negeri Kembayat taat dan setia terhadap Raja Negeri Kembayat.
3. Kebijaksanaan – Raja Negeri Kembayat yang pertama bijaak dan cekap memimpin rakyat.
4. Keadilan – Raja negeri Kembayat yang pertama memberikan layanan yang adil dan saksama kepada rakyat termasuklah para dagang.
5. Kasih sayang – Raja Negeri Kembayat amat menyayangi isterinya lebih-lebih lagi setelah isterinya itu mengandung.

PENGAJARAN

1. Kita hendaklah menjalankan tanggungjawab yang diberikan oleh rakyat dengan amanah.
2. Kita mestilah taat dan patuh akan perintah ketua atau pemimpin demi keharmonian negara.
3. Kita perlulah bijaksana dalam merangka dan membuat perancangan supaya tugas dapat dijalankan dengan sempurna.
4. Sebagai pemimpin, kita hendaklah melayani setiap orang dengan adil dan saksama tanpa membezakan darjat atau kedudukan.
5. Kita haruslah bersedia setiap masa bagi menghadapi sebarang ancaman musuh atau malapetaka yang tidak diduga.
6. Kita haruslah memupuk sifat kasih yang mendalam terhadap ahli keluarga demi melahirkan sebuah keluarga yang bahagia dan harmoni.

GURINDAM DUA BELAS (FASAL YANG KETIGA)

Rangkap 1

Mata haruslah dipelihara sebaik-baiknya supaya tidak melihat sesuatu perkara yang dilarang oleh tuhan.

Rangkap 2

Telinga perlu dijauhkan dari mendengar segala hasutan dan kejian.

Rangkap 3

Seseorang yang menjaga tutur kata akan mendapat banyak manfaatnya.

Rangkap 4

Tangan perlu dipelihara daripada mengambil barang yang bukan hak kita.

Rangkap 5

Nafsu makan perlu dikawal supaya tidak melakukan perbuatan yang dilarang.

Rangkap 6

Kehidupan seseorang perlulah dijalani dengan penuh semangat.

Rangkap 7

Anggota kaki perlulah dipelihara dari melangkah ke tempat-tempat yang maksiat.

TEMA

Nasihat memelihara anggota diri.

Gurindam ini memberi nasihat supaya memelihara anggota diri dan berbudi pekerti.

PERSOALAN

1. Persoalan memelihara penglihatan dalam kehidupan.
2. Persoalan kebaikan memelihara tutur kata.
3. Persoalan pentingnya memelihara pendengaran.
4. Persoalan semangat penting dalam kehidupan.

BENTUK

1. Mempunyai 7 rangkap.
2. Setiap rangkap mengandungi 2 baris
3. Jumlah perkataan antara 2 hingga enam perkataan
4. Suku kata antara 8 hingga 15 suku kata
5. Rima akhir aa

GAYA BAHASA

1. Kata ganda – cita-cita
2. Asonansi – pengulangan vokal a -Apabila terpelihara mata,(rangkap 1 baris 1)
3. Aliterasi – pengulangan bunyi konsonan g - Bersungguh-sungguh engkau memelihara tangan (rangkap 4 baris 1)

NILAI

1. Nilai kebijaksanaan, Contohnya kebijaksanaan dalam menuturkan kata-kata.
2. Nilai kesederhanaan, Contohnya kesederhanaan ketika menghadap rezeki
3. Nilai kesabaran, Contohnya kesabaran memelihara mata melihat perkara negatif.

PENGAJARAN

1. Kita hendaklah memelihara mata dengan bijaksana.
2. Kita janganlah terlalu mengikut nafsu ketika makan agar tidak mendatangkan kemudharatan.
3. Kita perlulah menjaga tutur kata supaya disenangi masyarakat.
4. Kita hendaklah sentiasa bersemangat untuk mencapai kejayaan dalam kehidupan.

SAJAK – SANG GEMBALA KUDA - Mohd Hashim Othman

MAKSUD

Rangkap 1

Seorang penjaga kuda sedang menghalau kuda-kuda dengan penyebat masuk ke dalam kandang.

Rangkap 2

Dalam kandang telah tersedia rumput dan jerami sebagai makanan yang menjadikan kuda sentiasa setia. Kuda ini tidak sedar dijadikan tunggangan untuk memburu kuda lain.

Rangkap 3

Penjaga kuda diibarat penguasa yang mempunyai kemampuan untuk mengawal seluruh pengikut . Dia menggunakan seluruh kekuasaan untuk menindas . Namun ada seseorang yang berani menentang kekejaman dan menghalang penindasan penguasa.

Rangap 4

Penjaga kuda hanya mahu kudanya berlari dengan kencang tanpa mengambil kira kepenatan kuda yang ditanggung. Dia juga hanya mahu kuda yang boleh membawa kemenangan dan tidak menghiraukan penderitaan kuda yang ditunggangnya. Semua kudanya terus ditunggangi tanpa belas kasihan.

TEMA

Menceritakan tentang tugas penjaga kuda yang mampu mengawal kudanya dengan penyebat sebagai lambang kekuatan dan kekuasaannya di kandang.

PERSOALAN

Persoalan kebolehan penjaga kuda mengawal kuda di sesebuah kandang kuda.

Persoalan kesetiaan kuda kepada penjaga kuda kerana makanan yang diberikan.

Persoalan kekuasaan memerlukan kekuatan dan keupayaan dalam mengawal sesuatu kumpulan.

Persoalan kehidupan kuda yang sentiasa dikerah tenaganya untuk kemenangan.

BENTUK

1. Bentuk bebas
2. Jumlah rangkap - 4 rangkap
3. Jumlah perkataan setiap rangkap - bebas
4. Jumlah suku kata dalam baris - 8 hingga 12 suku kata.
5. Rima akhir setiap rangkap - bebas

GAYA BAHASA

1. Aliterasi – perulangan konsonan 'n' . Contohnya : hanya mengenal pantas tunggangan
2. Asonansi – perulangan vokal 'a' - Contohnya :Dia lelaki sang gembala kuda
3. Metafora - Contohnya : cemati keberanian,rimba perburuan,paya penindasan
4. Hiperbola - Contohnya rembatan angkuhnya memacu takut.

NILAI

1. Keberanian – penjaga kuda berani menempuh berbagai-bagai kepayahan dan rintangan sewaktu menjaga kuda-kuda itu.
2. Tanggungjawab – penjaga kuda bertanggungjawab menjaga kuda tunggangannya dengan mengurus makan dan minum secara baik.
3. Kebijaksanaan – penjaga kuda bijak mengawal kuda tunggangannya ketika dia menghalau kuda-kuda itu masuk ke kandang.
4. Kegigihan – penjaga kuda gigih melaksanakan tugasnya menjaga kuda-kuda tunggangan walaupun terpaksa menggunakan kekerasan terhadap kuda-kuda itu.
5. Kepatuhan – sekumpulan kuda digambarkan patuh akan arahan penjaga kuda.

PENGAJARAN

1. Kita hendaklah berani menghadapi berbagai-bagai-bagai rintangan tanpa mudah putus asa.
2. Kita hendaklah setia dan patuh dengan pemerintah atau ketua.
3. Kita hendaklah gigih berusaha dalam melaksanakan sesuatu tuga agar kejayaan dapat dikecapi.
4. Kita hendaklah bijak dalam merancang dan menjalankan tugas dengan baik dan sempurna.
5. Kita hendaklah bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan.

SAJAK – AKU MEMBACA LAGI - Razali Mohd Yussof

MAKSUD

Rangkap pertama - Penyajak memandang ke langit lalu memerhatikan keadaan langit. Dengan perasaan penuh kesyukuran, dia menghayati keindahan alam yang diciptakan oleh Tuhan yang digambarkan melalui awan yang bergumpal, angin yang berhembus dan banjaran gunung.

Rangkap kedua - Penyajak menghayati anugerah Tuhan kepada manusia yang digambarkan melalui burung yang berkicau, kewujudan pantai dan ombak, dan kemunculan pelangi.

Rangkap ketiga - Penyajak mendapati bahawa alam semula jadi semakin tercemar apabila negara semakin makmur. Pencemaran alam semula jadi ini dikaitkan dengan keadaan bahasa Melayu yang semakin lama semakin kurang didaulatkan oleh rakyat walaupun bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan. Selain itu, penyajak mendapati bahawa kemakmuran negara tidak dapat menjamin kedaulatan bahasa Melayu.

Rangkap keempat - Para pejuang bahasa yang cinta akan bahasa Melayu berasa sedih melihat nasib bahasa Melayu yang tidak dimartabatkan.

Rangkap kelima - Penyajak meluahkan kekesalannya apabila bahasa Melayu yang semakin diketepikan terus dipinggirkan oleh semua pihak.

TEMA - Bahasa Melayu yang semakin dipinggirkan.

PERSOALAN

1. Keindahan alam semula jadi ciptaan Tuhan. Contoh : Penyajak menghayati keindahan alam yang diciptakan oleh Tuhan yang digambarkan melalui awan yang bergumpal, angin yang berhembus dan banjaran gunung.
2. Kedaulatan bahasa Melayu yang kian hilang. Contoh : Penyajak mendapati bahawa semakin lama semakin kurang orang yang mendaulatkan bahasa Melayu walaupun bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan.
3. Kesedihan pejuang bahasa terhadap nasib bahasa Melayu. Contoh : Para pejuang bahasa yang cinta akan bahasa Melayu berasa sedih melihat nasib bahasa Melayu yang tidak dimartabatkan.

BENTUK SAJAK

1. Terdiri daripada lima rangkap
2. Terdiri daripada empat hingga tujuh baris dalam satu rangkap
3. Terdiri daripada satu hingga enam perkataan dalam satu baris
4. Terdiri daripada empat hingga 12 suku kata dalam satu baris
5. Rima akhir mempunyai bentuk bebas / tidak terikat.

GAYA BAHASA

1. Sinkof - Ku selusuri alam
2. Personifikasi -desiran ombak dan wajah pelangi
3. Repitisi -helai demi helai
4. kata ganda - pohon-pohon kian rapuh

NILAI

1. Nilai kesyukuran - Contoh : Dengan perasaan penuh kesyukuran, penyajak menghayati keindahan alam yang diciptakan oleh Tuhan yang digambarkan melalui awan yang bergumpal, angin yang berhembus dan banjaran gunung.
2. Nilai cinta akan Bahasa - Contoh : Para pejuang bahasa yang cinta akan bahasa Melayu berasa sedih melihat nasib bahasa Melayu yang tidak dimartabatkan.
3. Nilai cinta akan alam sekitar – Contoh : Penyajak menghayati keindahan alam yang diciptakan oleh Tuhan yang digambarkan melalui awan yang bergumpal, angin yang berhembus dan banjaran gunung.

PENGAJARAN

1. Kita mestilah bersyukur kepada Tuhan. Contoh : Dengan perasaan penuh kesyukuran, penyajak menghayati keindahan alam yang diciptakan oleh Tuhan yang digambarkan melalui awan yang bergumpal, angin yang berhembus dan banjaran gunung.
2. Kita mestilah cinta akan bahasa. Contoh : Para pejuang bahasa yang cinta akan bahasa Melayu berasa sedih melihat nasib bahasa Melayu yang tidak dimartabatkan.
3. Kita mestilah cinta akan alam sekitar. Contohnya, penyajak menghayati keindahan alam yang diciptakan oleh Tuhan yang digambarkan melalui awan yang bergumpal, angin yang berhembus dan banjaran gunung.

SAJAK WWW.SIBERMERDEKA.COM.MY - Abdul Ghafar Ibrahim

MAKSUD

Rangkap pertama -Dalam diri penyajak, dia telah membuat pelbagai perancangan yang akan dilakukan bagi menyelesaikan segala masalah / kesusahan yang dihadapinya.

Rangkap kedua -Dalam pemikiran penyajak, dia mencuba memikirkan cara untuk mengatasi masalahnya agar dirinya tidak mudah dipermainkan oleh orang lain.

Rangkap ketiga -Dalam kehidupan penyajak, dia sering berhadapan dengan pelbagai dugaan yang menguji kesabaran dan keimanannya.

Rangkap keempat -Penyajak yang berasakan dirinya hebat sering terpedaya oleh nafsu. Namun begitu, penyajak cepat tersedar seterusnya mengambil langkah berjaga-jaga agar tidak terpedaya lagi.

Rangkap kelima -Penyajak sentiasa berusaha memperbaiki dirinya dengan bertekad untuk berubah ke arah kebaikan walaupun dia tidak mengetahui apa-apa yang bakal ditempuhnya pada hari-hari yang mendatang.

Rangkap keenam -Penyajak yang semakin berusia menjadi lebih matang. Dia tidak mudah panik dan tidak mudah dipengaruhi oleh kata-kata orang terhadap dirinya.

Rangkap ketujuh -Dalam era globalisasi, penyajak sering melakukan muhasabah diri dalam mencari erti kehidupan agar dia tidak mudah tewas dalam perjuangannya.

Rangkap kelapan -Apabila tiba waktunya, penyajak harus bersedia menghadapi kenyataan hidup yang bersifat sementara. Setiap peristiwa dalam hidup penyajak berlalu dengan amat pantas. Oleh itu, penyajak menasihati pembaca agar tidak mensia-siakan hidup sebaliknya pembaca wajar mendekati Tuhan.

TEMA - Ketabahan insan dalam mendepani dugaan hidup.

PERSOALAN

1. Kepentingan merancang kehidupan. Contoh : Dalam diri penyajak, dia telah membuat pelbagai perancangan yang akan dilakukan bagi menyelesaikan segala masalah / kesusahan yang dihadapinya.
2. Kegigihan untuk menyelesaikan masalah. Contoh : Dalam pemikiran penyajak, dia mencuba memikirkan cara untuk mengatasi masalahnya agar dirinya tidak mudah dipermainkan oleh orang lain.
3. Cara menjalani hidup dengan bermanfaat. Contoh : Penyajak menasihati pembaca agar tidak mensia-siakan hidup sebaliknya pembaca wajar mendekati Tuhan.

BENTUK SAJAK

1. Terdiri daripada lapan rangkap
2. Terdiri daripada tiga hingga 10 baris dalam satu rangkap
3. Terdiri daripada tiga hingga enam perkataan dalam satu baris
4. Terdiri daripada tujuh hingga 15 suku kata dalam satu baris
5. Rima akhir mempunyai bentuk bebas / tidak terikat.

GAYA BAHASA

1. Sinkof -yang tak diduga klimaksnya
2. Hiperbola -hidup menentang senja dan malam
3. Personifikasi - ombak gelora menampar pantai aman
4. Repitisi -menghayati skrip demi skrip
5. Anafora - aku berlatih menangkis angin , aku berlatih memunggah awan
6. Simile – bagai siang memanggil malam

7. Metafora -Dalam kebun diriku - Dalam parlimen diriku
8. Kata ganda -Elakkan dirimu menjadi sia-sia

NILAI

1. Nilai rasional - Contoh : Penyajak berfikiran rasional apabila menasihati pembaca agar tidak mensia-siakan hidup sebaliknya pembaca wajar mendekati Tuhan.
2. Nilai kegigihan - Contoh : Dalam pemikiran penyajak, dia mencuba memikirkan cara untuk mengatasi masalahnya agar dirinya tidak mudah dipermainkan oleh orang lain.
3. Nilai keinsafan - Contoh : Penyajak cepat insaf / tersedar akan kesalahannya seterusnya mengambil langkah berjaga-jaga agar tidak terperdaya lagi.

PENGAJARAN

1. Kita mestilah insaf apabila melakukan kesalahan. Contoh : Penyajak cepat insaf / tersedar akan kesalahannya seterusnya mengambil langkah berjaga-jaga agar tidak terperdaya lagi.
2. Kita mestilah memiliki pendirian. Contoh : Penyajak tidak mudah panik dan tidak mudah dipengaruhi oleh kata-kata orang terhadap dirinya.
3. Kita mestilah sentiasa melakukan muhasabah diri. Contoh : Penyajak sering melakukan muhasabah diri dalam mencari erti kehidupan agar dia tidak mudah tewas dalam perjuangannya.

SAJAK GELANGGANG - Onn Malini

MAKSUD SETIAP RANGKAP

Rangkap pertama - Penyajak menyatakan bahawa Malaysia merupakan sebuah negara yang ditubuhkan oleh generasi terdahulu iaitu kira-kira 50 tahun yang lalu. Malaysia terbentuk hasil perpaduan setiap kaum demi masa depan generasi seterusnya.

Rangkap kedua - Kita ialah generasi yang mewarisi Malaysia yang diperjuangkan oleh generasi terdahulu. Mereka bekerja keras dan bersusah payah untuk mendapatkan kemerdekaan negara. Kemakmuran negara dapat dinikmati apabila rakyat bersatu padu. Penyajak menyeru semua rakyat supaya memelihara kedaulatan negara dengan penuh tanggungjawab daripada pihak luar yang cuba memusnahkan negara. Cara ini telah terbukti dapat menyatupadukan pelbagai kaum di negara kita.

Rangkap ketiga - Penyajak berpendapat bahawa pemimpin kini harus berani melawan tuduhan melulu yang dilemparkan demi mempertahankan kedaulatan negara. Pendapat yang dikemukakan oleh sesetengah pihak yang cuba menjatuhkan Malaysia harus kita tentang tanpa tolak ansur supaya tidak menggugat kedaulatan negara. Pihak tersebut tidak harus melakukan tindakan untuk mencabar Malaysia kerana perbuatan mereka akan menyusahkan diri mereka.

Rangkap keempat - Penyajak menyeru rakyat yang benar-benar cinta akan negara supaya mengukuhkan tali persaudaraan agar pertelingkahan sesama rakyat dapat dihindari.

Rangkap kelima - Penyajak menyatakan bahawa kita sebagai rakyat Malaysia bertanggungjawab memikul amanah yang diberi untuk memastikan kecemerlangan negara di peringkat dunia dengan mencapai kejayaan demi kejayaan. Hal ini demikian kerana kejayaan yang diperoleh rakyat Malaysia melambangkan maruah Malaysia dan jati diri mereka. Kita bertanggungjawab dalam meneruskan kesinambungan Malaysia sebagai negara yang harmoni dan dihormati oleh semua pihak. Malaysia wajib kita hargai, hormati dan muliakan sampai akhir hayat kita.

TEMA

Kepentingan mempertahankan kedaulatan tanah air.

PERSOALAN

1. Perjuangan generasi dahulu dalam mendapatkan kemerdekaan. Contoh : Generasi dahulu berjuang mendapatkan kemerdekaan negara dengan keringat dan air mata.
2. Kepentingan perpaduan dalam menjaga keamanan negara. Contoh : Penyajak menyatakan bahawa rakyat yang bersatu padu telah terbukti dapat memelihara negara daripada ancaman luar.
3. Tanggungjawab rakyat dalam mendaulatkan negara. Contoh : Penyajak menyeru semua rakyat supaya memelihara kedaulatan negara dengan penuh tanggungjawab daripada pihak luar yang cuba memusnahkan negara.

BENTUK SAJAK

1. Terdiri daripada lima rangkap.
2. Terdiri daripada dua hingga lapan baris dalam satu rangkap.
3. Terdiri daripada satu hingga Sembilan perkataan dalam satu baris.
4. Terdiri daripada tiga hingga 22 suku kata dalam satu baris.
5. Rima akhir mempunyai bentuk bebas / tidak terikat.

GAYA BAHASA

1. Anafora
Kita pelihara gelanggang ini dengan kejaap sepenuh hati
Kita mempertahankan kedaulatan watan dari anasir jahat
2. Hiperbola - Hari ini kitalah pewaris gelanggang yang terbina dari keringat dan air mata
3. Inversi - jangan sekali bermain api kelak membinasakan diri sendiri
4. Personifikasi - demi mempertahankan maruah gelanggang keramat suci ini
5. Kata ganda - yang diwariskan oleh pendekar-pendekar datuk moyang lebih

NILAI

1. Nilai keberanian - Contoh : Penyajak menyatakan bahawa pemimpin negara kita harus berani berani berjuang untuk menangkis tohmahan pihak luar.
2. Nilai perpaduan - Contoh : Penyajak menyatakan bahawa rakyat yang bersatu padu telah terbukti dapat memelihara negara daripada ancaman luar.
3. Nilai tanggungjawab - Contoh : Penyajak menyeru semua rakyat supaya memelihara kedaulatan negara dengan penuh tanggungjawab daripada pihak luar yang cuba memusnahkan negara.

PENGAJARAN

1. Kita mestilah bersatu padu -Contoh : Penyajak menyatakan bahawa rakyat yang bersatu padu telah terbukti dapat memelihara negara daripada ancaman luar.
2. Kita mestilah berani bertindak -Contoh : Penyajak menyatakan bahawa pemimpin negara kita harus berani berjuang untuk menangkis tohmahan pihak luar.
3. Kita mestilah bertanggungjawab atas kedaulatan negara – contohnya, penyajak menyeru semua rakyat supaya memelihara kedaulatan negara dengan penuh tanggungjawab daripada pihak luar yang cuba memusnahkan negara.

PROSA TRADISIONAL – KEPIMPINAN MELALUI TELADAN

SINOPSIS

Kisah bermula apabila Seri Betara Majapahit berbincang dengan Patih Gajah Mada untuk menewaskan Melaka setelah kematian penjurit tujuh bersaudara. Ketujuh-tujuh penjurit dibunuh oleh laksamana di Bukit Cina. Justeru, Patih Gajah Mada merancang untuk mengarahkan Kertala Sari membunuh Sultan Melaka dan laksamananya. Kertala Sari bersetuju dengan permintaan Patih Gajah kerana ingin membalas dendam atas kematian ayahnya yang dibunuh oleh laksamana Melaka.

Patih Gajah membawa Kertala Sari mengadap Seri Betara dan menerangkan bahawa Kertala Sari merupakan penjurit yang sangat handal. Kehebatan Kertala Sari mengalahkan negeri Daha seorang diri menyebabkan Seri Betara menitahkan Kertala Sari segera ke Melaka untuk membunuh Sultan Melaka dan laksamana Melaka dan menjanjikan jawatan penggawa agung kepadanya.

Ketika berada di Melaka Kertala Sari menyamar sebagai pengikut Patih Kerma Wijaya. Di Melaka Kertala Sari mencuri harta saudagar-saudagar dan orang-orang kaya serta mencabuli isteri-isteri mereka. Keadaan ini menimbulkan kerisauan kepada Sultan Melaka dan menitahkan agar Temenggung serta orangnya menjaga keselamatan dan mengawal keadaan negeri Melaka dari kejadian kecurian. Namun kecurian masih tetap berlaku sehingga melibatkan rumah Bendahara. Hal ini kerana Kertala Sari menggunakan ilmu kesaktian untuk mengelakkan diri daripada ditangkap. Melihat pada keadaan tersebut laksamana menawarkan diri kepada Sultan untuk mengawal istana kerana mengikut firasatnya penjurit akan masuk ke istana pula.

Dengan kebijaksanaan dan kecekapan serta ilmu yang dimiliki oleh laksamana berjaya menggagalkan rancangan Kertala Sari untuk mencuri harta raja, membakar dan mengamuk serta mengambil isteri-isteri sultan. Kertala Sari berjaya dibunuh oleh laksamana di tengah pasar, manakala kemaluan Kertala Sari dipotong sebagai bukti laksamana membunuhnya. Mayat Kertala Sari telah dikerat-kerat anggota badannya oleh penduduk yang menjumpai mayat tersebut untuk dibuktikan kepada sultan bahawa merekalah yang telah membunuh Kertala Sari. Namun laksamana telah menunjukkan bukti yang lebih kukuh kepada sultan bahawa beliaulah yang telah berjaya membunuh Kertala Sari. Baginda sultan telah memberi anugerah kepada laksamana atas kejayaan membunuh Kertala Sari

Segala hasil curian yang telah disimpan oleh Kertala Sari di Bukit Cina berjaya ditemui dan Sultan telah mengarahkan semua empunya barang untuk menuntut barang-barang tersebut. Baginda sultan telah meminta supaya empunya barang-barang tersebut memberikan dua pertiga bahagian dari barang-barang tersebut kepada laksamana. Namun laksamana hanya bersetuju untuk mengambil satu bahagian sahaja dan barang-barang tersebut kesemuanya telah diagihkan oleh laksamana kepada fakir miskin dan orang-orang bawahannya tanpa mengambil sedikit pun dari harta tersebut. Akhirnya berita kematian Kertala Sari yang dibunuh oleh laksamana telah sampai ke pengetahuan Patih Gajah Mada di Majapahit. Patih Gajah Mada tidak putus asa terus mencari orang yang dapat membunuh Sultan dan Laksamana Melaka.

TEMA

Kepahlawanan seorang laksamana mempertahankan negara. Keberanian dan kegagahan Laksamana mempertahankan negeri Melaka dari ancaman penjurit tujuh bersaudara serta Kertala Sari dari Majapahit yang membuat huru-hara.

PERSOALAN

1. Persoalan keberanian dalam menegakkan keadilan.
2. Persoalan pemimpin mestilah seorang yang bijaksana.
3. Persoalan pemimpin yang mengambil berat kesusahan rakyat.
4. Persoalan penggunaan ilmu kesaktian dalam kehidupan seseorang.
5. Persoalan perasaan dendam membawa akibat buruk.

WATAK DAN PERWATAKAN

1. Laksamana
 - Seorang yang berani
 - Seorang yang pemurah
 - Seorang yang bijaksana
 - Cinta akan keamanan negara
 - Taat setia kepada pemerintah
 - Pandai dalam ilmu kesaktian
 - Memiliki sifat kepahlawanan
2. Kertala Sari
 - Anak kepada Petala Bumi
 - Berasal dari Majapahit
 - Seorang pencuri yang handal
 - Seorang yang tamak dan angkuh
 - Seorang pendendam
 - Pandai dalam ilmu kesaktian
 - Suka membuat huru-hara
 - Taat kepada pemerintah
3. Sultan Melaka
 - Seorang yang prihatin
 - Seorang pemimpin yang adil
 - Seorang yang mengenang budi
4. Patih Gajah Mada
 - Berasal dari Majapahit
 - Seorang pendendam

LATAR

Latar Masyarakat

1. Masyarakat feodal -Contoh: Masyarakat yang mengamalkan sistem pemerintahan beraja .
2. Masyarakat yang bertanggungjawab -Contoh : Laksamana menawarkan diri untuk menangkap penjurit yang menyebabkan masalah kecurian di negeri Melaka
3. Masyarakat yang mengenang budi - Contoh : Saudagar dan orang-orang kaya yang kehilangan hartanya akibat dicuri oleh Kertala Sari telah memberikan sebahagian harta mereka kepada Laksamana dengan ikhlas serta harta mereka ditemui.
4. Masyarakat yang taat pada pemerintah - Contoh : Ketaatan Laksamana terhadap Sultan dan negerinya.

Latar Tempat

1. Negeri Melaka - Contoh: Kertala Sari membuat huru-hara dengan mencuri harta sudagar dan orang-orang kaya di Melaka
 2. Majapahit -Contoh: Patih Gajah Mada dan Seri Bentara merancang untuk membalas dendam atas kematian penjurit tujuh bersaudara di Bukit Cina.
 3. Di tengah pasar -Contoh : Tempat Kertala Sari mati dibunuh oleh Laksamana.
-

Latar Masa

1. Malam - Contoh: Kertala Sari masuk mencuri ke rumah saudagar dan orang-orang kaya pada sebelah malam.
2. Siang - Contoh: Bendahara melaporkan kepada Sultan bahawa rumahnya telah dimasuki pencuri dan habis segala harta-hartanya.

GAYA BAHASA

1. Bahasa istana -Contoh: sultan, patik, tuanku,
2. Bahasa pinjaman bahasa Jawa -Contoh: manira,kula,pakanira
3. Kata ganda -Contoh: kaya-kaya, sekuasa-kuasa, menampar-nampar,tikam-menikam,radak-meradak

NILAI

1. Nilai keberanian. Contoh:Laksamana berani untuk menentang dan membunuh Kertala Sari.
2. Nilai tolong-menolong. Contoh: Laksamana menawarkan diri untuk mengawal keselamatan negeri Melaka.
3. Nilai kebijaksanaan. Contoh: Laksamana menggunakan tipu helah untuk mengalahkan Kertala Sari dengan berpura-pura tidur di tengah-tengah pasar pada waktu malam.
4. Nilai pemurah - Contoh: Laksamana membahagi-bahagikan harta yang dihadiahkan oleh saudagar dan orang-orang kaya kepada fakir miskin dan orang-orang bawahannya tanpa mengambil sedikit pun harta itu.

PENGAJARAN

1. Kita hendaklah berani menghadapi musuh supaya keselamatan negara akan terjamin.
 2. Kita hendaklah rasional membuat keputusan agar tidak menyesal pada masa akan datang.
 3. Janganlah kita mempunyai perasaan dendam supaya hidup kita sentiasa bahagia.
 4. Kita hendaklah mengamalkan sikap pemurah agar kehidupan kita sentiasa dirahmati Tuhan.
-

CERPEN – KADUK, AYAM DAN RAJA (Zurinah Hassan)

SINOPSIS

Cerpen Kaduk, Ayam dan Raja mengisahkan perjuangan cucu Kaduk iaitu Hakim yang berusaha mendapatkan tanah milik arwah datuknya yang diambil oleh Raja. Hakim yang merupakan lulusan universiti telah meminta bantuan sahabatnya iaitu Azam seorang lulusan bidang undang-undang untuk memfailkan kes tuntutan tanah seluas empat ekar itu. Melalui penghujahan Azam, beliau telah berjaya meyakinkan mahkamah bahawa Kaduk menyerahkan ayam Kunani kepada raja tanpa kerelaannya hatinya. Hal ini menyebabkan kemenangan berpihak kepada Hakim. Setelah itu, Hakim merancang untuk memernak ayam secara pertanian kontrak dengan syarikat besar yang menubuhkan cawangan di Malaysia dengan nama Rangkaian Jasa Agrikultur atau singkatannya RAJA. Hakim memernak ayam bagi menyahut seruan kerajaan yang banyak memberi insentif kepada pemernak. Kesungguhannya terbukti apabila Hakim telah membuat pinjaman bank melebihi dua ratus ribu ringgit. Hakim terpaksa meminda kertas kerjanya beberapa kali dan hasil bantuan seorang Yang Berhormat telah menyebabkan bank meluluskan pinjaman tersebut untuk membina sebuah reban ayam tertutup yang dilengkapi sistem penyaman udara serta peralatan memberi makanan secara semi automatik. Setelah kelulusan bank diperoleh, satu perjanjian kontrak di meterai antara Hakim dan syarikat RAJA, maka projek pemernakan ayam pun bermula.

Konflik mula timbul setelah setahun Hakim menjadi pemernak ayam. Sahabat karibnya Azam telah pulang dari luar negara kerana berkursus dan terus berjumpa dengan Hakim. Hakim telah menceritakan masalah yang dialaminya sepanjang dia menjadi pemernak ayam iaitu terdapat rungutan orang kampung terhadap lorinya yang telah menyebabkan keadaan jalan kampung bertambah teruk. Selain itu, hakim menjelaskan kepada Azam bahawa hidupnya dibelenggu hutang dengan menunjukkan penyata hasil jualan ayam dari rebannya yang bernilai lapan puluh lima ribu ringgit. Namun begitu hanya tiga belas ribu ringgit sahaja yang diterimanya kerana selebihnya digunakan untuk membayar hutang kepada syarikat RAJA. Jumlah wang yang diterima itu pula terpaksa digunakan untuk membayar pelbagai kos seperti bil elektrik, bil air, hutang bank dan sebagainya. Hakim menzahirkan penyesalannya tentang memilih ternakan kontrak yang dianggapnya situasi menang menang tetapi keadaan yang sebaliknya pula berlaku. Hakim mula menyedari bahawa dirinya telah dieksploitasi oleh Syarikat RAJA melalui harga dedak dan ubat untuk ayam ternakannya sehingga hutangnya meningkat. Hakim menganggap dirinya menerima nasib yang sama seperti nasib datuk yang tertipu oleh orang yang memiliki kuasa.

TEMA

Tema cerpen ini ialah kesungguhan seorang anak muda menceburi bidang keusahawanan. Sebagai contoh Hakim berusaha bersungguh-sungguh untuk menjalankan projek ternakan ayam walaupun terpaksa menempuh pelbagai cabaran.

PERSOALAN

1. Persoalan keberanian menuntut hak. Sebagai contoh Hakim berani menuntut tanah milik datuknya dengan memfailkan kes di mahkamah melalui sahabatnya, Azam.
2. Persoalan memahami selok-belok bidang keusahawanan. Sebagai contoh Hakim mendapat bantuan agensi kerajaan sebelum menjalankan bidang pemernakan ayam yang dirancangnya.
3. Persoalan ketaatan terhadap pemerintah. Sebagai contoh Kaduk mentaati perintah raja dengan menukarkan ayam Kunani dengan ayam raja atas perintah baginda semasa bersabung ayam.
4. Persoalan penindasan golongan yang berkuasa terhadap golongan yang lemah. Sebagai contoh, syarikat RAJA mengambil kesempatan dengan menentukan harga dedak dan ubat ayam ternakan sehingga menyebabkan Hakim menanggung beban hutang.

TEKNIK PLOT

1. Pemerian

Pengarang menggambarkan usaha-usaha yang perlu dilakukan oleh Hakim untuk membina reban ayam tertutup. Sebagai contoh dia memulakan segala kerja, menebang pokok dan meratakan tanah, berlori-lori tanah telah diangkat untuk menambak kawasan yang memang rendah dan berair itu.

2. Dialog - "Dah berapa kali kau menjual ayam?" tanya Azam

3. Imbas muka - Hakim pernah berseloroh, "Kalau aku berjaya menebus kembali tanah itu, aku nak dirikan sebuah memorial."

4. Imbas kembali - "Kau ingat kan, tanah inilah yang kita tuntutan di mahkamah dengan susah payah."

5. Kejutan - Nilai jualan dari rebanku ialah lapan puluh lima ribu ringgit. Tetapi akhirnya hanya tiga belas ribu sahaja yang masuk ke kantungku. Tujuh puluh dua ribu adalah untuk RAJA kerana membayar harga anak-anak ayam, harga dedak dan ubat-ubatan. Dari tiga belas ribu itulah aku membayar hutang bank, gaji pembantu, upah penangkap ayam, membayar bil elektrik dan bil air yang cukup tinggi dan segala kos penyelenggaraan yang lain.

WATAK DAN PERWATAKAN

1. Hakim

- Anak kepada Hassan dan cucu kepada Kaduk.
- Seorang yang berani memperjuangkan hak. Sebagai contoh Hakim berani menuntut tanah milik datuknya dengan memfailkan kes di mahkamah melalui sahabatnya, Azam.
- Seorang yang gigih menceburi bidang keusahawanan. Sebagai contoh Hakim mendapat bantuan agensi kerajaan sebelum menjalankan bidang penternakan ayam yang dirancangnya.
- Seorang yang tabah menghadapi masalah. Sebagai contoh Hakim tabah mengharungi cabaran akibat kegagalannya dalam bidang keusahawanan.
- Seorang yang rajin menuntut ilmu. Sebagai contoh Hakim berjaya melanjutkan pelajaran ke universiti.

2. Azam.

- Sahabat baik Hakim semasa di universiti.
- Seorang yang suka membantu orang lain. Sebagai contoh Azam membantu Hakim dengan menjadi peguamnya dalam kes tuntutan tanah milik datuknya.
- Seorang yang rajin menuntut ilmu. Sebagai contoh walaupun Azam sudah memiliki ijazah dalam bidang undang-undang namun dia sanggup menghadiri kursus selama setahun di luar negara untuk menambah pengetahuannya.
- Seorang yang prihatin. Sebagai contoh Azam sanggup mendengar masalah-masalah yang dihadapi oleh Hakim dalam usaha penternakan ayamnya kerana dia prihatin terhadap sahabatnya itu.

3. Kaduk.

- Datuk kepada Hakim dan ayah kepada Hassan.
- Seorang yang suka bersabung ayam. Sebagai contoh Kaduk bersabung ayam dengan raja.
- Seorang yang mentaati raja. Sebagai contoh Kaduk sanggup menyerahkan ayam Kunani apabila diminta oleh raja.

4. Raja

- Seorang yang suka bersabung ayam. Sebagai contoh raja bersabung ayam dengan Kaduk.
 - Seorang yang suka mengambil kesempatan atas kelemahan orang lain. Sebagai contoh raja telah menukarkan ayamnya dengan ayam kunani Kaduk untuk memenangi pertandingan itu.
-

LATAR

Latar masa

1. Zaman lampau. Sebagai contoh Kaduk pernah bersabung ayam dengan ayam raja.
2. Zaman selepas merdeka. Sebagai contoh Hakim didedahkan oleh kerajaan melalui Dasar Ekonomi Baru terhadap projek penternakan ayam secara kontrak dengan syarikat RAJA.
3. Dalam masa setahun. Sebagai contoh Hakim mengalami kerugian dalam masa setahun dia menjalankan penternakan ayamnya.

Latar tempat.

1. Mahkamah. Sebagai contoh kes tuntutan Hakim terhadap tanah milik datuknya dijalankan di mahkamah.
2. Tanah Kaduk. Sebagai contoh Hakim menjalankan projek ternakan ayamnya di tanah Kaduk.
3. Kampung. Sebagai contoh penduduk kampung mendakwa lori-lori Hakim telah merosakkan jalan kampung mereka.
4. Universiti. Sebagai contoh Hakim dan Azam melanjutkan pelajaran di universiti yang sama.

Latar masyarakat

1. Masyarakat yang mementingkan bidang keusahawanan. Sebagai contoh para menteri menyeru rakyat menceburi bidang keusahawanan melalui pertanian yang mengeluarkan lebih banyak makanan.
2. Masyarakat yang sensitif terhadap keadaan sekeliling. Sebagai contoh penduduk kampung merungut apabila mendapati jalan di kampung mereka rosak akibat dilalui oleh lori-lori Hakim.
3. Masyarakat yang bekerja untuk mencari rezeki. Sebagai contoh Hakim mengambil pekerja-pekerja untuk bekerja di projek penternakan ayamnya.
4. Masyarakat yang mengamalkan sistem feudal. Sebagai contoh wujud dua golongan iaitu golongan pemerintah dan golongan rakyat semasa hayat Kaduk.

GAYA BAHASA

1. Sinkope - kau, ku
2. Pengulangan kata - Sebagai contohnya: Kami sama-sama membela ayam dan kami sama-sama menggadai tanah. Kami sama-sama berada di bawah cengkaman orang berkuasa.
3. Kata ganda - Sebagai contohnya: bangunan-bangunan, sama-sama dan tanah-tanah.
4. Bahasa Arab - Sebagai contoh: Assalamualaikum, Alhamdulillah
Bahasa Inggeris - Sebagai contoh Global Chicken
5. Simile - Sebagai contoh : Bank akan merampas tanahku tak ubah seperti raja merampas tanah datuk ku dahulu.
6. Personifikasi. Sebagai contoh; Setiap musim syarikat payung akan mengatur lori-lori untuk mengangkut ayam-ayam yang sudah besar.

NILAI

1. Nilai keadilan. Sebagai contoh hakim menuntut keadilan di mahkamah bagi pihak datuknya yang telah ditipu.
 2. Nilai keberanian. Sebagai contoh hakim berani menceburi bidang keusahawanan yang tidak pernah dilakukannya sebelum ini.
-

3. Nilai kegigihan. Sebagai contoh Hakim gigih menjadi penternak ayam walaupun dirinya terpaksa menanggung hutang yang banyak.
4. Nilai keprihatinan. Sebagai contoh Azam sangat prihatin dengan masalah yang dihadapi oleh hakim dengan memberi semangat kepadanya untuk terus berjaya menjadi penternak moden sebelum dia berangkat ke luar negara untuk berkursus.
5. Nilai tolong-menolong. Sebagai contoh Azam sanggup menjadi peguam Hakim untuk menolongnya mendapatkan hak tanah seluas empat ekar milik datuk hakim.

PENGAJARAN

1. Kita hendaklah menuntut hak kita yang dirampas oleh orang lain. Sebagai contoh Hakim menuntut hak milik tanah datuknya yang diambil raja di mahkamah.
2. Kita hendaklah gigih berusaha dalam melakukan sesuatu pekerjaan. Sebagai contoh Hakim gigih berusaha untuk mendapatkan kelulusan bank bagi menjayakan projek penternakan ayam walaupun terpaksa meminda kertas projeknya beberapa kali sebelum bank meluluskan permohonannya dengan bantuan Yang Berhormat.
3. Kita hendaklah berani menceburi bidang perniagaan. Sebagai contoh hakim berani mengusahakan tanah peninggalan datuknya dengan menjalankan penternakan ayam untuk dijual.
4. Kita hendaklah menolong golongan yang memerlukan bantuan. Sebagai contoh Azam membantu sahabatnya dengan menjadi peguam bagi mendapatkan hak milik tanah datuk Hakim.
5. Kita janganlah mengambil kesempatan terhadap golongan yang lemah. Sebagai contoh Syarikat RAJA mengenakan bayaran yang tinggi terhadap makanan dan ubat ayam yang dibeli oleh Hakim untuk mengaut keuntungan yang lebih.

CERPEN – MUNSUYI (Mawarni Sulaiman)

SINOPSIS

Cerpen ini mengisahkan hasrat 'saya', seorang anak muda, untuk berhijrah ke kota dihalang oleh bondanya yang bimbang anaknya itu akan terpengaruh oleh budaya-budaya negatif di bandar. Pada bondanya, 'saya' masih belum mantap bahasa ibunda dan jati dirinya. Menurut bondanya lagi, warga kota sudah hilang nilai-nilai tradisi seperti cinta akan agama, bahasa dan bangsa. Penjahat telah berjaya menyemai sentimen perkauman dalam kalangan rakyat sehingga pernah tercetusnya pertumpahan darah akibat permusuhan antara kaum. Oleh itu, bonda menasihatkan 'saya' agar memelihara agama, bahasa dan negara supaya terus dihormati dan disegani. Sebagai seorang warga yang bersifat patriotik, bonda memiliki banyak buku lama yang berkaitan dengan bahasa, dan sejarah. Buku-buku tersebut selalu 'saya' baca. Menurut bonda, asas kegagahan bangsa Melayu terletak pada tiga perkara, iaitu akidah Islam, bahasa Melayu dan kesetiaan pada pemerintah yang adil. Setelah 'saya' berasa mampu berjuang di kota barulah bonda membenarkannya ke bandar untuk meneruskan kehidupan. Namun bonda berpesan agar menjaga dua perkara iaitu agama dan bangsa. Bonda juga mengirinkan sejumlah buku untuk kawan lamanya yang bernama Munsyi melalui 'saya'. Apabila tiba di bandar, 'saya' menyerahkan buku-buku tersebut pada kawannya itu yang pada pengamatan 'saya, Munsyi' merupakan seorang yang sangat mencintai bangsa dan budayanya. Dia tinggal di tanah rizab Melayu di sebuah perkampungan tradisi di pinggir bandar. Di bandar, 'saya' melihat kaum mudanya telah hilang identiti dan jati diri. Akibat sibuk bekerja, 'saya' tidak bertemu Munsyi. Suatu hari, 'saya' mendapat khabar bahawa perkampungan Munsyi akan dibangunkan dengan pelbagai bangunan mewah dan hotel. Apabila 'saya' mencari Munsyi di kampungnya, jentera-jentera berat sedang merobohkan rumah-rumah di situ. 'Saya' sedih melihat buku-buku lama yang telah 'saya' bawa, musnah apabila rumah Munsyi dirobuhkan namun Munsyi tidak kelihatan di mana-mana.

TEMA

Semangat cinta akan bahasa, agama, bangsa dan budaya yang tersemayam dalam jiwa sekumpulan warga negara. Contohnya, ibu kerap menasihati 'saya' agar memelihara dan cinta akan agama, budaya dan bahasa agar dihormati oleh orang.

PERSOALAN

1. Keinginan anak muda berhijrah ke bandar untuk membina kehidupan. Contohnya, 'saya' memohon keizinan ibunya untuk berhijrah ke bandar bagi membina kehidupannya seperti kebanyakan remaja yang lain.
2. Peranan penjajah dalam usaha memecahbelahkan rakyat sesebuah negara. Contohnya, pihak penjajah telah menjalankan sistem pecah dan perintah agar agihan kekayaan negara tidak berlaku secara adil hingga menimbulkan rusuhan kaum akibat rasa tidak puas hati rakyat.
3. Kegigihan anak muda mempelajari segala ilmu untuk meneruskan kehidupannya. Contohnya, 'Saya' tekun belajar pelbagai ilmu yang berkaitan dengan kehidupan sebelum berhijrah ke bandar.
4. Ketaatan seorang anak terhadap nasihat ibunya. 'Saya' mentaati nasihat ibunya yang tidak membenarkannya berhijrah ke bandar kerana pada pendapat ibunya 'saya' masih belum cukup kuat jati diri untuk tinggal di bandar.
5. Kebimbangan seorang ibu terhadap anaknya. Contohnya, ibu keberatan untuk melepaskan 'saya' ke bandar kerana bimbang 'saya' terpengaruh akan budaya negatif yang terdapat pada remaja di bandar.

TEKNIK PENCERITAAN

1. Dialog - "Tuan inikah yang bernama Munsyi, sahabat baik bonda saya."
2. Imbas kembali - Saya teringat cerita bonda tentang kota mewah itu yang pernah mencalit sejarah hitam empat dekad lampau.
3. Imbas muka. - Di kota nanti carilah seorang sahabat lama bonda bernama Munsyi.
4. Pemerian. Salam saya akhirnya dijawab oleh seorang lelaki di usia emas dengan janggut putih menutupi sebahagian muka yang putih bersih. Pakaiannya lengkap dengan tengkolok dan baju Melayu bersamping bagaikan seorang maharaja di zaman kesultanan Melayu. Di jari-jemarinya lengkap menggenggam sebilah keris bersarung cantik.
5. Kejutan. Saya mendengar khabar bahawa syarikat perumahan akan mengambil alih kampung tradisi yang didiami oleh Munsyi dengan pelbagai bangunan mewah dan hotel bertaraf lima bintang.
6. Saspens. Aku mencari Munsyi tetapi tidak berjumpa.

WATAK DAN PERWATAKAN

1. Watak utama - 'Saya'
 - Seorang yang taat - 'Saya' tidak membantah ketika ibunya melarang dia berhijrah ke bandar.
 - Seorang yang amanah. - 'Saya' menyampaikan amanah bondanya iaitu buku-buku yang sepatutnya diserahkan kepada Munsyi ketika 'saya' pergi ke bandar.
 - Seorang yang gemar membaca - 'Saya' telah mengkaji teks Sejarah Melayu dan Hikayat Hang Tuah serta membaca banyak buku lama milik ibunya.
 - Seorang yang tidak mudah putus asa - 'Saya' meminta izin ibunya sekali lagi apabila sudah lebih bersedia untuk tinggal di kota walaupun hasratnya itu pernah ditolak oleh ibunya.
-

2. Watak sampingan

Bonda 'saya'

- Seorang yang berpengetahuan luas. -Bonda bercerita kepada 'saya' tentang sejarah pahit tanah air.
- Seorang yang bersifat patriotik. -Bonda menasihati 'saya' agar memelihara agama, bahasa ibunda dan negara.
- Seorang yang amat memahami -Bonda mengizinkan 'saya' berhijrah apabila didapati anaknya itu sudah mantap ilmu dan jati dirinya.

Munshi

- Kawan lama bonda.
- Seorang yang cinta akan budaya Melayu -Munshi berpakaian tradisi Melayu yang lengkap dengan keris ketika menyambut kedatangan 'saya'.
- Seorang yang mengalu-alukan tetamu. -Munshi tersenyum dan menjemput 'saya' masuk ke rumahnya.

LATAR

Latar masa

1. Zaman pemerintahan penjajah - Penjajah telah memerintah negara menggunakan sistem pecah dan perintah.
2. Zaman selepas merdeka - Rakyat sibuk mengejar harta dan pangkat sehingga lupa akan nilai, bahasa dan agama selepas dijajah.

Latar tempat

1. Di kampung -Pada mulanya, bonda tidak membenarkan 'saya' meninggalkan kampung untuk berhijrah ke kota
2. Di kota -'Saya' berhijrah ke kota untuk membina kehidupan yang lebih sempurna.
3. Di sebuah perkampungan tradisi di pinggir kota -Munshi tinggal di sebuah rumah yang terletak di sebuah perkampungan tradisi di pinggir kota.

Latar masyarakat

1. Masyarakat kampung. -'Saya' dan bonda tinggal di kampung.
2. Masyarakat remaja yang tinggal di bandar. -'Saya' dapati masyarakat remaja yang tinggal di bandar kebanyakannya telah hanyut oleh keseronokan hidup.
3. Masyarakat yang mengamalkan demonstrasi untuk menunjukkan bantahan. -Penduduk kampung tradisi mengadakan demonstrasi untuk menunjukkan bantahan mereka terhadap pencerobohan tanah milik mereka oleh pihak berkuasa.
4. Masyarakat yang cekal dan berani. - Anak-anak bangsa pada zaman dahulu cekal dan berani meneroka hutan untuk dijadikan bandar pelabuhan yang terkenal.

GAYA BAHASA

1. Kata ganda - Zaman- berzaman
 2. Metafora. - Pagar-pagar perkauman, pohon kebenaran, racun perkauman
 3. Peribahasa. -Bahasa jiwa bangsa
 4. Simile - Pakaianya lengkap dengan tengkolok dan baju Melayu bersamping bagaikan seorang maharaja di zaman kesultanan Melayu.
-

5. Hiperbola -Namun kerana hasad dengki, khianat, kronisme serta rasuah yang bermaharajalela, kegemilangan yang dibina musnah sekelip mata.

NILAI

1. Patriotik. Bonda menasihati 'saya' agar sentiasa memelihara bahasa ibunda dan agama.
2. Ketaatan. 'Saya' tidak membantah ketika ibunya melarang dia berhijrah ke bandar.
3. Kegigihan. Anak-anak bangsa pada zaman dahulu cekal dan berani meneroka hutan untuk dijadikan bandar pelabuhan yang terkenal.
4. Amanah. 'Saya' menyampaikan amanah bondanya iaitu menyerahkan buku-buku kepada Munsyi ketika 'saya' pergi ke bandar.

PENGAJARAN

1. Kita hendaklah taat pada perintah dan larangan ayah dan ibu. 'Saya' tidak membantah ketika ibunya melarang dia berhijrah ke bandar
2. Kita hendaklah gigih apabila melakukan sesuatu pekerjaan. Anak-anak bangsa pada zaman dahulu cekal dan berani meneroka hutan untuk dijadikan bandar pelabuhan yang terkenal.
3. Kita hendaklah rajin membaca untuk meningkatkan pengetahuan. 'Saya' telah mengkaji teks Sejarah Melayu dan Hikayat Hang Tuah serta membaca banyak buku lama milik ibunya.
4. Kita tidak boleh mudah putus asa apabila menemui kegagalan. 'Saya' meminta izin ibunya sekali lagi apabila sudah lebih bersedia untuk tinggal di kota walaupun hasratnya itu pernah ditolak oleh ibunya.

Cerpen JAKET KULIT KIJANG DARI ISTANBUL (Maskiah Haji Masrom)

SINOPSIS

Mengisahkan Aku melancong ke negara Turki sambil mencari cenderahati untuk di bawa pulang ke Malaysia. Pelbagai barangan yang tersenarai untuk dibeli kepada rakan-rakan serta dirinya sendiri. Namun dirinya hanya tertarik dengan buku-buku berbanding barang-barang hiasan yang lain. Sejumlah wang telah disediakan dan diperuntukkan untuk pembelian cenderahati tersebut serta sedikit wang kecemasan untuk dirinya. Beliau juga telah dinasihatkan oleh pemandu pelancong dan beberapa panduan serta pantang larang ketika berbelanja di Istanbul. Aku serta rakan-rakannya berasa sukar untuk menawar harga barangan yang hendak dibeli kerana tiada tanda harga dipamerkan dan harga barangan hanya akan diberitahu jika ditanya. Melintasi sebuah kedai menjual jaket kulit, Aku terpaksa pada sepasang sarung tangan kulit berwarna hitam di rak cermin. Aku mengimbas akan abangnya yang menunggang motosikal pergi balik kerja. Andai ada sarung tangan kulit, tentu tangan Abang Longnya itu tidak terdedah pada terik matahari. Pemuda Turki seakan dapat membaca isi hati menunjukkan sarung tangan kulit itu namun Aku tidak berani mengambilnya kerana tidak mengetahui akan harganya. Hajah Normah dan dan Dr. Liza tertarik dengan harga jaket berwarna kuning keemasan yang dibeli oleh Haji Helmi dan isterinya dengan harga yang murah berbanding kedai-kedai lain. Aku tiada pilihan mengikut rakan-rakannya masuk ke kedai tersebut. Kedainya tidaklah begitu luas namun mampu menempatkan sepuluh orang pelanggan pada satu-satu masa dan mempunyai beratus-ratus helai jaket kulit beraneka warna dan rupa bergantung kemas di dalam rak berhawa dingin. Aku dan rakannya dilayan mesra umpama selebriti. Pekedai tanpa putus asa memujuk Aku agar membeli jaket kulit kijang, namun Aku masih belum berniat untuk mencari pengganti jaket kain yang telah lama berkhidmat kepadanya. Namun, kerana ingin mengambil hati rakan-rakannya atau terhutang budi kerana secawan teh epal, Aku cuba mengenakan jaket kulit tersebut. Aku tersentak dengan harga yang disebutkan kerana dia tidak mempunyai wang yang banyak untuk membeli jaket kulit kijang yang lembut itu. Dua rakannya itu telah membayar harga jaket pilihan mereka. Aku dengan kata-kata berbudi bahasa mengambil keputusan untuk tidak membeli jaket tersebut. Wajah pekedai bertukar masam dan marah dengan tindakan Aku dan mengeluarkan kata-kata kesat. Perjalanan melawat Egyptian Market, Aku didatangi seorang remaja kurus dan bercakap separuh berbisik menjual barangan Black

market. Melewati rakan Aku, Kak Chah dan Shahmeem, lelaki dewasa bertubuh tegap iaitu seorang polis menangkap remaja tersebut atas kesalahan menjual barangan Black market. Ketika beratur menaiki feri menyeberangi Selat Bosphorus, seorang lelaki tua dengan berani meletakkan sehelai jaket kulit berwarna hitam di lengan Aku. Rakan Aku, Shahmeem menunjukkan minat dan membeli dengan harga AS\$ 120, namun tidak sesuai dengannya apabila dipakai. Shahmeem menjual pula kepada Aku dengan harga AS\$100. Aku terpaksa namun dapat menggembirakan hati Shahmeem. Aku juga menggambarkan tidak praktikalnya jaket itu digunakan di Malaysia, tidak sesuai dipakai dengan cuaca di Malaysia. Perlu dijaga dengan rapi, tidak boleh dilipat sembarangan, kulitnya tidak tahan lasak jika koyak pula tidak dapat dijahit dengan benang. Jelas sekali Aku terlihat lebih seekor Kijang akan dibunuh untuk mendapatkan sehelai jaket kulit. Akhirnya Aku berhasrat untuk menggembirakan orang lain. Dia akan menjual jaket itu dan wang jualan akan didermakan kepada mana-mana zoo yang mempunyai kandang kijang, sebagai tanda muhibah terhadap kijang-kijang yang terkorban demi gaya hidup yang penuh dengan kemodenan.

TEMA

Pengalaman seorang pelancong yang suka melancong serta terjerat dengan pembelian jaket kulit kijang yang tidak disengajakan demi menjaga hati dan kegembiraan penjual jaket, rakannya serta dirinya demi mengelakkan pembunuhan haiwan-haiwan yang dilindungi demi kelangsungan kehidupan moden.

PERSOALAN

1. Perasaan kasih dan sayang terhadap kehidupan haiwan-haiwan eksotik.
Contoh:- Aku berasa kasihan terhadap haiwan kijang yang terpaksa menjadi korban kerana kulitnya.
2. Sikap berbudi bahasa sesama insan tanpa mengira bangsa, agama dan negara.
Contoh:- Aku melahirkan kata-kata yang cukup berbahasa kerana tidak mahu menyakitkan hati pekedai Turki itu.
3. Kewajaran memberikan layanan serta ramah mesra terhadap pelanggan atau pelancong.
Contoh:- Pekedai Turki telah memberikan layanan yang mesra kepada pelanggannya dengan memberikan layanan yang baik serta memberikan minuman percuma kepada pelanggannya.
4. Kepandaian sikap puji memuji dalam kalangan masyarakat Turki. Contoh:- Masyarakat Turki memang pandai memuji pelanggannya demi melariskan jualan.
5. Kebijaksanaan dalam menguruskan perbelanjaan kewangan.
Contoh:- Aku telah membuat senarai nama barangan dan cenderahati yang akan dibeli untuk dibawa pulang ke Malaysia.

TEKNIK PLOT

1. Imbas Muka -Contoh: Aku tidak dapat membayangkan jika aku menjadi wanita tua yang menjual makanan burung di situ..
2. Imbas Kembali -Contoh: Entah mengapa aku tiba-tiba teringat akan Abang Long yang menunggang motosikal pergi balik kerja.
3. Saspens -Contoh: Perbalahan antara aku dan pekedai Turki membuatkan aku ingin melangkah keluar tetapi dihalang oleh pekedai Turki dengan wajahnya yang kelihatan marah.
4. Monolog -Contoh: Aku terpaksa seketika. Apakah jawapan yang lebih baik pada saat itu selain yang dapat menggembirakan Shahmeem?
5. Dialog - Contoh: "Dah beli, ke? Ok tak harganya? Tanya kak Chah. "Ok juga. Dah survey tiga, empat kedai. Kedai ni ok. Dapat harga AS\$150 sat jaket," terang Haji Helmi sambil menunjukkan beg plastiknya.

WATAK DAN PERWATAKAN

Watak Utama - Aku (Mas)

1. Seseorang gemar membaca. - Aku gemar membaca kerana dia akan leka membeli dan membaca buku jika terjumpa kedai yang menjual buku.
2. Baik dan murah hati. - Aku begitu bermurah hati dengan memberikan wang sebanyak lima Lira kepada wanita tua yang menjual makanan burung walaupun harga sepiring hanya satu Lira.
3. Berbudi bahasa. - Aku dengan sebaik mungkin berbudi bahasa kepada pekedai Turki kerana tidak mahu membeli jaket kulit agar pekedai itu tidak berasa kecil hati.
4. Tidak boros berbelanja. - Aku tidak terpengaruh dengan layanan mesra pekedai Turki agar membeli jaket kulit kijang itu.
5. Sayang akan haiwan. - Aku begitu menyayangi haiwan seperti kijang kerana dia berhasrat untuk memberikan wang hasil jualan jaket kulit kijang kepada mana-mana zoo yang mempunyai kandang kijang agar dapat memelihara haiwan tersebut daripada menjadi korban arus pemodenan.
6. Bersederhana apabila berbelanja. - Aku telah membuat senarai barangan yang hendak dibeli agar tidak melebihi perbelanjaan yang telah diperuntukkan.

Watak Sampingan

1. Pekedai Turki–
 - Pemuda berkulit putih, mempunyai kumis. (misai)
 - Fasih berbahasa Inggeris.- Pekedai Turki berbahasa Inggeris apabila berkomunikasi dengan pelanggan yang datang ke kedainya.
 - Peramah dan mesra :Pekedai Turki kelihatan begitu peramah dan mesra ketika melayan pelanggan di kedainya.
 - Tidak berputus asa. Pekedai Turki tidak berputus asa memujuk pelanggannya membeli barang jualannya.
 - Pandai mengambil hati :Pekedai Turki sangat pandai mengambil hati pelanggannya dengan memberikan kata-kata manis.
 - Cepat marah :Pekedai Turki cepat naik amarah kerana pelanggannya tidak mahu membeli barangannya walaupun telah mencubanya.
2. Polis Turki
 - Lelaki dewasa, bertubuh tegap, berbaju T dan berseluar panjang
 - Berwajah serius –Polis Turki kelihatan serius ketika dia menjalankan tugasnya apabila dia menangkap seorang remaja yang menjual barangan pasaran gelap.
3. Shahmeem
 - Kawan kepada Aku
 - Mudah terpengaruh :Shahmeem terpengaruh dengan sehelai jaket hitam yang dijual secara pasaran gelap tanpa mengetahui ukuran saiznya.
 - Murah hati :Shahmeem bermurah hati dengan mengurangkan sebanyak AS\$20 daripada harga asal pasaran gelap kepada Aku kerana jaket kulit kijang itu tidak padan dengannya.

LATAR

Latar tempat.

1. Hotel Senator – tempat penginapan aku dan rakan-rakannya ketika melancong di Turki.
 2. Kedai menjual jaket kulit –tempat di mana aku terpaku ketika melihat sepasang sarung tangan kulit berwarna hitam di rak cermin.
 3. Pigeon Valley – Aku bersedekah kepada pengait benang yang kesejukan.
-

4. Gunung Bolu – Aku bersedekah kepada seorang kanak-kanak bersama-sama datuknya yang buta.
5. Masjid Ulu – Aku bersedekah kepada seorang lelaki yang cacat anggota.
6. Masjid Biru – tempat Aku menunaikan solat jamak.
7. Egyptian Market – tempat membeli belah yang mempunyai dataran burung merpati jinak.
8. Terminal feri Selat Bosphorus – Shahmeem membeli jaket kulit hitam daripada lelaki tua di pasaran gelap dengan harga AS\$120.

Latar masa

1. Malam – Kak Chah teman sebilik Aku tidur awal kerana kepenatan selepas berjalan mengelilingi kota bersejarah.
2. Siang –Aku , Kak Chah dan Shahmeem berada di dalam kedai menjual jaket kulit.

Latar masyarakat

1. Masyarakat elit – Ahli rombongan yang terdiri daripada guru dan pensyarah.
2. Masyarakat yang berkerjaya untuk menampung kehidupan seharian. Encik Yuksel bekerja sebagai pemandu pelancong dan pekedai Turki yang menjual barangan kulit.
3. Masyarakat tidak berkemampuan. -Wanita tua yang menjual makanan burung dan remaja kurus serta lelaki tua yang menjual barangan pasaran gelap,
4. Masyarakat yang suka melancong. -Aku serta 30 orang ahli rombongan telah melawat negara Turki.
5. Masyarakat yang suka akan kemewahan. -Haji Helmi dan isterinya cikgu Juliah telah membeli sebanyak empat helai jaket kulit berwarna kuning keemasan dengan harga AS\$150 sehelai.
6. Masyarakat yang tidak menyayangi haiwan. -Seekor atau lebih daripada seekor kijang akan dibunuh untuk mendapatkan sehelai jaket kulit yang menjadi lambang pendewaan dan pemujaan diri.

GAYA BAHASA

1. Kata ganda - cenderamata untuk pensyarah-pensyarah yang banyak berjasa membimbingku semasa melanjutkan pelajaran ke peringkat sarjana;
2. Bahasa Asing – a) bahasa inggeris (“Hello lady! “ , “Please... “ bahasa Arab. – Assalamualaikum, solat jamak, al- mathurat
3. Sinkope – ‘Eh, lawanya jaket tu! Macam yang kita tengok kat Grand Bazaar semalam. Murah ke?”

NILAI

1. Kegigihan – pekedai Turki begitu gigih dan tidak berputus asa meyakinkan pelanggannya agar membeli barangan kulitnya.
 2. Keprihatinan – Aku begitu prihatin dengan pembunuhan haiwan kijang kerana kulitnya untuk dijadikan jaket.
 3. Berjimat cermat – Aku telah membuat senarai barangan yang perlu dibeli untuk dibawa pulang agar tidak melebihi perbelanjaan.
 4. Keikhlasan – Aku dengan ikhlas memberi derma kepada pengemis seperti pengait benang, kanak-kanak bersama-sama datuknya yang buta serta lelaki tua yang cacat anggotanya.
-

PENGAJARAN

1. Kita haruslah bersikap berjimat cermat dalam urusan perbelanjaan seharian mahupun semasa melancong ke luar negara. Contoh :- Cenderamata untuk keluarga : 29 helai baju T, 2 helai untuk keluarga Anim, masing-masing sehelai untuk Tahrir, Nadia dan Salleh.
2. Kita hendaklah bersikap ikhlas dalam melakukan sesuatu perkara tanpa mengira taraf kehidupan seseorang. Contoh :- Aku begitu bermurah hati dengan memberikan wang sebanyak lima Lira kepada wanita tua yang menjual makanan burung walaupun harga sepiring hanya satu Lira serta ikhlas memberi derma kepada pengemis seperti pengait benang, kanak-kanak bersama-sama datuknya yang buta serta lelaki tua yang cacat anggotanya.
3. Kita wajar mempunyai sikap gigih dalam melakukan pekerjaan supaya hasil yang diinginkan tercapai. Contoh :- Pekedai Turki gigih memberikan layanan yang mesra kepada pelanggannya dengan memberikan layanan yang baik serta memberikan minuman percuma kepada pelanggannya dengan harapan pelanggannya itu membeli barangannya.
4. Kita patut bersikap prihatin terhadap haiwan yang dilindungi agar habitatnya tidak pupus. Contoh : Aku begitu prihatin terhadap haiwan seperti kijang kerana dia berhasrat untuk memberikan wang hasil jualan jaket kulit kijang kepada mana-mana zoo yang mempunyai kandang kijang agar dapat memelihara haiwan tersebut daripada menjadi korban arus pemodenan.

DRAMA BERKHIDMAT UNTUK NEGARA - Affix Zulkarnain Adam

SINOPSIS

Drama ini mengisahkan Aiman, seorang pelajar yang berusia 16 tahun yang memberikan pelbagai alasan untuk tidak menyertai Program Latihan Khidmat Negara (PLKN). Oleh sebab berasal daripada keluarga yang berada dan sudah biasa hidup dalam kemewahan, Aiman beranggapan bahawa PLKN mungkin akan menggugat zon keselesaan. Walaupun ibu Aiman, Masnah memihak kepada Aiman agar tidak menyertai PLKN, namun ayahnya Khir Ghazali memberi galakan dan kata-kata perangsang kepada Aiman untuk menyertainya. Selain Khir Ghazali, watak posmen, Nora, Sundarani, Ah Tiau, Syuhada dan Cikgu Dahari turut memberikan dorongan kepada Aiman untuk menyertai Khidmat Negara. Akhirnya, setelah melayari laman sesawang yang memaparkan kejayaan pelajar senior yang menyertai dan menerima anugerah PLKN, hati Aiman terbuka untuk menyertai PLKN dan dia bertekad untuk membuktikan sikap berdikari dan semangat cinta akan tanah air.

PEMIKIRAN

Sikap remaja yang mempunyai tanggapan negatif tentang PLKN. – Aiman berusaha untuk mengelakkan diri daripada menyertai PLKN.

PERSOALAN

1. Sikap positif golongan remaja yang berminat untuk menyertai PLKN dan memberikan sumbangan kepada negara. Contoh: Nora, Sundarani, Ah Tiau dan Syuhada berasa seronok apabila mereka terpilih sebagai peserta PLKN dan nama mereka terpampang di papan kenyataan sekolah.
 2. Kesibukan dalam kalangan ahli keluarga yang merenggangkan hubungan kekeluargaan. Contoh: Aiman sentiasa berasa kesunyian kerana ayahnya sibuk bekerja manakala ibunya Datin Masnah sibuk dengan urusan di luar dan kakaknya Dapnia sibuk dengan tugasannya di universiti.
 3. Sikap segelintir ibu bapa yang terlalu memanjakan anak. Contoh: Datin Masnah menyokong hasrat Aiman yang ingin mengecualikan diri daripada menyertai PLKN. Sebagai seorang ibu dan juga isteri
-

kepada seseorang yang terpengaruh, beliau sepatutnya mendorong dan memberi motivasi kepada anaknya untuk berkhidmat kepada negara.

4. Peranan seorang guru dalam memberikan kesedaran dan mewujudkan semangat patriotisme dalam kalangan pelajar. Contoh: Cikgu Dahari memberikan penerangan yang jelas kepada murid-muridnya agar mereka faham akan objektif dan pelaksanaan PLKN.

TEKNIK PLOT

1. Monolog Dalaman. Aiman : Patutkah aku simpan surat ini atau aku buang saja? Hmm, kalau aku buang, nanti ada orang lain jumpa pula. Hah, baik aku bakar!. Tak ada kesannya nanti. Baik aku simpan dulu, cukup masa kalau aku tak berminat, baru aku bakar.
2. Pemerian. Pada permulaan cerita pengarang menggambarkan keadaan keluarga Aiman yang hidup mewah dan kemewahan tersebut yang telah mengubah dirinya menjadi seorang remaja yang manja dan malas.
3. Imbas Muka. Aiman bermimpi menyertai PLKN. Dalam program tersebut Aiman mendapati keadaan kem yang panas, makanan yang tidak menyelerakan, mandi air kolam sejuk dan membotakkan kepala. Hanya perkara yang negatif yang terlintas dalam fikirannya ketika bermimpi.

WATAK DAN PERWATAKAN

Watak utama - Aiman

- Seorang remaja berusia kira-kira 16 tahun, berasal daripada keluarga yang berada
- Seorang yang agresif. -Contoh: bersifat kasar terhadap pembantu rumah yang melayannya dengan baik dan mesra
- Seorang yang pemalas - Contoh: segala kerjanya di rumah dibantu oleh orang gaji dan apabila berdepan dengan sesuatu masalah ,dia akan tidur.
- Seorang yang mengagungkan nilai-nilai barat. - Contoh: ketika bermimpi tentang PLKN, Aiman meluahkan keinginannya untuk menikmati masakan Barat. Dia juga tahu lokasi Jempol dengan alasan selalu bercuti di luar negara.

Watak sampingan

1. Khir Ghazali -Ayah kepada Aiman
 - Seorang yang bertanggungjawab.- Contoh: walaupun sibuk bekerja beliau mengambil berat terhadap Aiman. Apabila Aiman berdepan dengan masalah beliau mendengarnya dengan sabar dan cuba menyelesaikannya.
 - Seorang yang tegas. - Contoh: Apabila Aiman meminta Khir Ghazali membantunya mendapatkan pengecualian daripada PLKN, beliau bertegas untuk tidak membantunya. Hal ini adalah kerana beliau tahu bahawa PLKN akan banyak memanfaatkan Aiman
 - Seorang yang sensitif - Contoh: apabila isterinya bertegang leher dengannya untuk tidak menghantar Aiman ke PLKN, beliau berasa tersinggung lalu beredar meninggalkan tempat perbincangan mereka.
2. Masnah - Ibu kepada Aiman , Berpangkat Datin
 - Seorang yang suka berfikiran negatif -. Contoh: beranggapan bahawa PLKN membahayakan nyawa anaknya dan turut menyokong hasrat anaknya untuk menghadiri PLKN
 - Seorang yang sanggup menyalahgunakan pengaruh untuk kepentingan sendiri.- Contoh: Datin Masnah meminta suaminya menggunakan kedudukan dan pengaruhnya untuk mendapatkan pengecualian untuk anaknya daripada menghadiri PLKN.
3. Cikgu Dahari -guru Aiman.
 - Terlibat dengan PLKN dalam penghasilan modul program Penghayatan Sastera dan budaya

- Seorang yang berfikiran positif. -Contoh apabila Aiman menyatakan bahawa keselamatan peserta di dalam kem latihan tidak terjamin dan sastera dan budaya tidak penting dalam kehidupan zaman moden, Cikgu Dahari menafikan pendapat tersebut dengan menerangkan bahawa keselamatan peserta sentiasa terjamin. Beliau juga menerangkan peranan sastera dan budaya dalam kalangan masyarakat.
- Seorang yang sentiasa memberi galakan kepada anak murid. -Contoh: Apabila Nora memberitahu bahawa ramai pelajar terpilih sebagai peserta PLKN, Cikgu Dahari berasa teruja dan menyatakan bahawa Malaysia bertuah kerana mendapat remaja mereka yang sentiasa bersedia berkhidmat untuk negara.

4. Posmen

- Seorang yang berfikiran positif. Contoh:- Apabila Aiman menyuruh posmen membuang surat Jabatan Latihan Khidmat Negara, posmen telah memberi nasihat kepada Aiman agar fikir tentang kemahiran dan pengalaman yang bakal diperoleh oleh Aiman melalui PLKN.
- Seorang yang amanah.- Contoh: selepas memberi kata-kata perangsang kepada Aiman tentang kebaikan PLKN, posmen meminta diri untuk meneruskan tugasnya menghantar surat kerana dia menganggap surat-surat tersebut adalah amanah yang diberikan kepadanya.

LATAR

Latar masa

1. Alaf baru (Program PLKN – bermula tahun 2004)
2. Waktu tengah hari. Contoh: Aiman menerima sepucuk surat ketika duduk bersantai di rumah - Nek Sinah menjemput Aiman menikmati makan tengah hari.
3. Waktu pagi - Contoh: Aiman berdialog bersama-sama rakan-rakan di sekolah tentang PLKN yang bakal dihadiri mereka.
4. Waktu petang - Contoh: Selepas balik dari sekolah Aiman berbual bersama-sama dengan ayah dan ibunya di rumah.

Latar tempat

1. Rumah Aiman. -Contoh: peristiwa Khir Ghazali, Aiman dan Masnah berbincang tentang keengganan Aiman menghadiri PLKN.
2. Sekolah Menengah -Contoh: dialog antara Aiman, Nora, Sundarani, Ah Tiau dan Syuhada tentang senarai nama peserta PLKN yang dipaparkan di papan kenyataan.

Latar masyarakat

1. Masyarakat bandar yang sibuk bekerja . -contoh: Khir Ghazali iaitu ayah Aiman digambarkan sebagai hartawan yang sibuk bekerja. Ibunya, Datin Masnah juga selalu tidak berada di rumah manakala kakaknya, Dapnia sibuk dengan tugas di universiti.
2. Masyarakat yang penyayang -Contoh: Walaupun Nek Sinah bekerja sebagai pembantu rumah di rumah Khir Ghazali namun dia amat menyayangi Aiman dan memasak makanan kegemarannya serta melayannya seperti cucu sendiri.
3. Masyarakat yang amanah dalam menjalankan tanggungjawab -Contoh: Posmen dalam drama ini mengedarkan surat kepada penerima dengan penuh tanggungjawab kerana dia berpendapat bahawa surat itu adalah amanah masyarakat kepadanya.
4. Masyarakat yang sombong dan mementingkan kekayaan. -Contoh: Aiman berkelakuan biadap terhadap pembantu rumahnya yang sentiasa bersikap lemah lembut. Nek Sinah berasa kesal dengan tingkah laku Aiman dan ahli keluarganya yang hanya mementingkan wang ringgit.
5. Masyarakat yang berfikiran positif. - Contoh: Walaupun Khir Johari mempunyai pengaruh dan kedudukan untuk membantu Aiman mengecualikan diri daripada menyertai PLKN, namun Khir Ghazali mahu anaknya menyertai program tersebut kerana beliau tahu bahawa anaknya akan memperoleh

banyak manfaat daripada PLKN. Cikgu Dahari menerangkan tentang kebaikan PLKN kepada pelajar-pelajarnya agar dapat mengikiskan tanggapan negatif mereka terhadap program tersebut dan memberikan sumbangan mereka kepada negara.

GAYA BAHASA

1. Sinkope. Contoh: kata singkatan 'tak' dalam ayat. Saya tak berminat langsung (m.s 3)
2. Inversi. Contoh: amanah orang semua surat ini (m.s 4)
3. Peribahasa. Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri. (m.s 7)
4. Bahasa asing. Contoh: penggunaan perkataan bahasa Inggeris daddy, mummy (m.s 14)
5. Simile. Contoh: perkataan 'macam' dalam ayat, Nak angan-angan macam Mat Jenin.

NILAI

1. Nilai amanah. Contoh: Posmen amanah dalam menjalankan tanggungjawabnya menghantar surat.
2. Nilai kasih sayang. Contoh: Nek Sinah melayan Aiman seperti cucunya sendiri dan masak makanan kegemarannya.
3. Nilai bertanggungjawab. Contoh: walaupun sibuk bekerja, Khir Ghazali meluangkan masa mendengar masalah Aiman.
4. Nilai cinta akan tanah air. Contoh: apabila Aiman menyatakan bahawa dia tidak tahu di mana terletaknya Jempol kerana selalu bercuti di luar negara, kawannya Sundarani menegurnya bahawa kita perlu menghargai tanah air kita.

PENGAJARAN

1. Kita haruslah menghormati orang yang lebih tua daripada kita. Contoh: Aiman biadap terhadap pembantu rumahnya yang menganggapnya sebagai cucu sendiri.
 2. Kita mestilah bersikap amanah dalam menjalankan tugas. Contoh: Posmen menjalankan tanggungjawabnya sebagai seorang posmen dengan penuh amanah.
 3. Kita perlulah memberi sokongan kepada program kerajaan. Contoh: Masnah tidak memberi galakan kepada anaknya untuk menyertai PLKN malah memberitahu suaminya bahawa program tersebut mungkin membahayakan nyawa anaknya. Contoh: Cikgu Dahari memberi galakan dan kata-kata perangsang kepada anak-anak muridnya agar menyertai PLKN dan berkhidmat untuk negara.
-